



"MAKSIAT DI HUJUNG JARI".1

<p>1 الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمُ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ،¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَموتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan menyeru para Jemaah sekalian, agar sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala titah perintah-Nya dan meninggalkan segala larangannya. Moga-moga dengan usaha kita ini akan dapat memperteguh lagi ketaqwaan dan lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT.</p>	5
<p>Marilah kita sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "MAKSIAT DI HUJUNG JARI".</p> <p>Muslimin yang berbahagia,</p>	6
<p>Dunia pada hari ini telah semakin terbuka. Dimana-mana sahaja kita mudah berkomunikasi dan berinteraksi. Kemudahan ini amat baik jika dilakukan dengan penuh tanggungjawab. Antara kemudahan yang digunakan adalah media sosial yang semakin berkembang pesat dalam dunia pada hari ini. Dengan perkembangan ini, media sosial memungkinkan maklumat disebar dengan mudah dan pantas. Walau dimana kita berada segala bentuk data dan maklumat boleh disebar hanya dihujung jari. Perkembangan teknologi komunikasi pada hari ini amat besar cabarannya kerana jika tanpa iman ia boleh mengundang keburukan.</p>	7

¹ An-Nur : 24



<p>Namun, persoalan yang hendak kita fikirkan pada hari ini sejauh manakah setiap daripada kita ini bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat yang diperolehi dan bagaimana menyampaikannya kepada orang lain. Amat malang sekali terdapat sesetengah daripada kita yang amat teruja menyebarkan sebarang maklumat tanpa usul periksa demi memastikan hasratnya tercapai. Apakah kita tidak rasa bertanggungjawab untuk menggunakan teknologi komunikasi demi kemaslahatan seluruh manusia. Tidak rasa berdosakah kita menyebarkan segala data dan maklumat yang tidak betul melalui telefon bimbit atau komputer tanpa memikirkan perasaan orang lain? Apakah kita membiarkan jari jemari kita ini digunakan untuk kemaksiatan terhadap Allah SWT? Ingalah! Suatu masa nanti tangan kita inilah yang akan dipertanggungjawabkan dihadapan Allah SWT atas segala tindakan yang dilakukan.</p>	8
<p>Firman Allah dalam surah Yasin ayat 65 :</p> <p>أَلْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٦٥</p>	9
<p><i>"Pada hari ini, Kami tutup mulut mereka, tangan mereka akan berkata kepada Kami dan kaki mereka akan memberi kesaksian terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan".</i></p>	10
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Sesungguhnya Allah SWT mengurniakan kita pancaindera adalah untuk melakukan ibadah kepada-Nya bukan untuk membuat maksiat dan dosa. Jika jari dan tangan yang kita gunakan ini untuk menyakiti orang lain bererti kita telah khianat kepada amanah Allah. Kalau dahulu kita menyakiti orang lain dengan melakukan kekerasan tubuh badan namun pada hari ini dengan kemajuan teknologi kita mudah sahaja menyakiti hati orang lain bahkan lebih memburukkan keadaan hanya dengan menyebarkan fitnah dan cacian menggunakan kehebatan tangan sendiri. Berapa ramai yang telah kita sakiti dengan kata-kata dan tulisan kita dalam facebook, whats' up, instagram dan twitter?</p>	11
<p>Sesetengahnya merasa seronok terlibat dengan perkara dosa dan maksiat seperti ini. Mudah sahaja menambah dosa dengan mengumpat, menyakiti orang lain , bertengkar dan memaki hamun dalam media sosial hinggakan ada yang sanggup kafir mengkafir orang lain hanya disebabkan perkara kecil yang boleh diselesaikan. Namun perkara ini tidak diambil berat hinggakan ada yang sanggup putus tali silaturrahim untuk memenangkan kelompok dan pendirian sendiri.</p>	12



<p>Bukankah ini suatu kelemahan yang harus dipandang serius kerana sikap sedemikian boleh mengundang dosa terhadap Allah SWT . Tangan dan lisan kita ini adalah tanda iman kita kepada Allah SWT. Gunakan ia untuk kebaikan kerana ianya adalah akhlak yang baik dan disebut banyak sekali dalam hadis nabi SAW.</p>	13
<p>Abu Musa Al-Asy'ari Radhiallahu Anhu bertanya kepada Rasulullah SAW dengan katanya:</p> <p>يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ أَفْضَلُ؟ قَالَ: «مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ</p>	14
<p>"Wahai Rasulullah, orang Islam yang bagaimanakah yang paling utama? Baginda menjawab, "Orang yang kaum Muslimin selamat dari lisannya dan tangannya."</p> <p>(Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)</p>	15
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Dikesempatan khutbah pada hari ini khatib ingin menasihati semua jemaah sekalian agar sentiasa berwaspada dalam setiap tindakan kita agar tidak mudah melakukan dosa dihujung jari kita. Mari sama-sama kita renung diri kita berapa kalikah kita menaip dan menghantar maklumat yang mengajak manusia kepada kebaikan dan pahala ataukah hanya dosa sahaja? Jangan kerana nafsu yang menguasai diri, kita sanggup menjadi golongan yang menggunakan tangan menambah dosa-dosa;</p>	16
<p>Jadilah insan yang baik dan bertanggungjawab dalam menggunakan media sosial dengan menekankan perkara-perkara berikut:</p> <p>Pertama; Sentiasa mengetahui dan menggunakan media sosial pada hari ini dengan sikap bertanggungjawab dan tidak melakukan adu domba kepada orang lain yang boleh mengundang dosa dihadapan Allah SWT.</p> <p>Kedua; Kita seharusnya beramanah dalam setiap tulisan dan kata-kata yang ditulis dalam media sosial kerana jika tidak benar ianya boleh mengundang kecelakaan dan krisis dalam masyarakat. Oleh itu elakkan menyebarkan maklumat yang tidak benar.</p> <p>Ketiga; Amalkan budaya semak sebelum sebar sebarang maklumat dan perkara yang kita terima dalam media sosial. Janganlah kita menjadi golongan yang bukan hanya melakukan amal jariah tetapi dosa jariah.</p>	17



<p>Firman Allah dalam surah al-Hujurat ayat 6;</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصِبْحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ۖ</p>	18
<p>“ Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.</p>	19
<p>Muslimin, tetamu Allah yang dirahmati sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada hari ini marilah sama-sama kita mengambil iktibar beberapa tausiah dan pengajaran penting yang perlu diberi perhatian:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa kedua-dua tangan sentiasa terdedah kepada kemaksiatan dan dosa yang akan dihisab oleh Allah SWT2. Umat Islam hendaklah menginsafi diri sentiasa mengelakkan diri dengan tidak menyebarkan keburukan, fitnah dan adu domba serta maksiat apabila menggunakan media sosial.3. Umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada dan melakukan tabayun apabila menulis dan menyebarkan maklumat kepada orang lain. Ini kerana setiap tindakan kita akan dicatat oleh para Malaikat	20
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ</p> <p>مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ ۝١٨</p>	21
<p>“Tidak ada suatu kata yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia mencatatnya”.</p> <p>(Qaf : 18)</p>	22
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ،
9	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
10	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِعْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرِّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Ahmadiyah atau Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah dan Gerakan Militan DAESH.</p>	13
<p>Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Novel Coronavirus (Covid-19) dan lain-lain.</p>	14
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	15
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	16
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	17
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	18